



UNIVERSITI M A L A Y A

UM.C/241/5

Gauth Jasmon
Vice Chancellor
Naib Canselor

30 Disember 2008

Prof. Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud
Pengerusi Program Wellness UM & Ketua
Jabatan Perubatan Kemasyarakatan & Pencegahan
Universiti Malaya

Tuan,

"PROGRAM BERHENTI MEROKOK" WELLNESS UNIVERSITI MALAYA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


Lanjutan surat tuan bertarikh 19 Disember 2008, Naib Canselor menyokong penuh "Program Berhenti Merokok" yang sedang dirancang di bawah Program Wellness UM.

Naib Canselor berharap, pendekatan tersebut dapat dilaksanakan dengan baik dan dengan kadar yang segera bagi mencapai objektif untuk mengurangkan kadar bilangan tabiat merokok di kalangan kakitangan dan pelajar.

Segala kerjasama dan tindakan selanjutnya dari pihak tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


JAMALUDIN YACOB
Ketua Penolong Pendaftar
Pejabat Naib canselor

sl/09
Dr. Mu
Wellness
APZ

SZZ/30122008



UM/PA11306

12 Oktober 2009

Profesor Madya Dr. Retneswari Masilamani

Ketua
Program UM Wellness
Jabatan Perubatan Kemasyarakatan & Pencegahan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaya

Puan,

KEBENARAN PELEPASAN KERJA MENGHADIRI PROGRAM :

- (1) PENGURUSAN STRES
(2) BERHENTI MEROKOK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat puan bertarikh 6.10.2009 mengenai perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah **meluluskan** permohonan kebenaran pelepasan kerja kepada peserta terpilih untuk menghadiri program seperti berikut :

BIL.	Program	Tarikh	Masa	Tempat
1.	Pengurusan Stres	13, 14 atau 15 Oktober 2009	8.30 pagi - 12.30 tengahari	Dewan Mesyuarat Perdana 3, Blok C, Perdanasiswa
2.	Berhenti Merokok	20.10.2009 - Ogos 2010		Bilik No. 41, Aras 3, Blok F, Kompleks Perdanasiswa

3. Kelulusan ini tertakluk kepada tidak menjelaskan perkhidmatan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan perlu mendapatkan persetujuan daripada Ketua PTJ.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,


RAFIZA HASHIM
Penolong Pendaftar (Perkhidmatan)
Bahagian Sumber Manusia
b.p. Pendaftar



Melalui,

Prof. Dr. Mohd Hamim Rajikin,
Timbalan Dekan,
Fakulti Perubatan, UiTM

Y. Bhg. Dato'/Datin/ Prof/Prof. Madya/ Dr/Tuan/Puan,

Ditulang dan dimaklumkan

ll
PROF. DR. MOHD HAMIM RAJIKIN
Deputy Dean (Student & Alumni)
Faculty of Medicine
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor MALAYSIA

JEMPUTAN BAGI STAF YANG MEROKOK KE PROGRAM BERHENTI MEROKOK

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa sebuah Program Berhenti Merokok sedang diadakan di UiTM Shah Alam mulai bulan Mac 2010- Mei 2010.

2. Program ini terbuka kepada semua staf UiTM yang berhasrat untuk berhenti merokok. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu perokok berhenti merokok serta mencapai status kesihatan yang lebih baik, mengurangkan kadar perokok di kampus dan sedikit kajian untuk memahami tabiat perokok. Kami akan membantu perokok berhenti merokok dengan memberikan kaunseling dan ubat gantian nikotin (yang berharga lebih kurang RM200.00 seorang). **Ubat dan kauseling akan diberikan secara PERCUMA** kepada peserta yang menyertai program.

3. Program adalah seperti berikut:

Tempat: **KOLEJ PERINDU, UiTM Shah Alam**

Tarikh dan Masa: Berdasarkan tarikh temujanji. **Setiap sessi** kaunseling memakan masa **1 jam - 1 jam 30 minit**.

Kehadiran: **Setiap peserta dikehendaki menghadiri 3 sessi berlainan (setiap 2 minggu) dalam masa 1 bulan setengah.**

Time Slip tanda kehadiran akan diberikan setelah menghadiri setiap sessi.

4. Diharap program ini dapat diwar-warkan kepada staf-staf dalam Jabatan/Institut/Unit serta diberikan pelepasan untuk menghadiri program. Tarikh tutup penyertaan baru adalah pada awal bulan April 2010. Untuk mendapatkan temujanji, sila hubungi **Dr Siti Munira Yasin - 0192515325** atau email: drsitsitmy@gmail.com. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr /Tuan/Puan saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.
Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(Signature)
(Dr Siti Munira Yasin)
Fakulti Perubatan, UiTM

